

**TAHAP PENCAPAIAN ARAS KOGNITIF PELAJAR KURSUS
PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN KE ARAH
MELAHIRKAN MODAL INSAN BERPENGETAHUAN**
*(University Students' Cognitive Level in the 'Appreciation of Ethics
and Civilization' Course Towards Producing Knowledgeable
Human Capital)*

Najihah Abdul Mutalib¹, Ismar Liza Mahani Ismail²,
Azza Jauhar Ahmad Tajuddin³, Hesty Puspita Sari⁴

¹²³Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, Malaysia

⁴Universitas Islam Balitar, Jawa Timur, Indonesia

E-mel: najihah.mutalib@umt.edu.my

Article History: Received 12 September 2021; Revised 7 October 2021;

Accepted 20 December 2021

ABSTRAK

Negara amat memerlukan modal insan yang bukan hanya mampu berfikir secara kreatif dan kritis tetapi juga berpengetahuan luas serta cakna dengan isu semasa. Justeru, dalam usaha untuk menjadi pelajar yang mempunyai kemahiran kognitif yang tinggi, mereka bukan hanya mencedok ilmu yang diajar sewaktu kelas semata-mata tetapi perlu membuat pembacaan yang lebih meluas dalam pelbagai aspek termasuk isu-isu semasa dalam dan luar negara. Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap domain yang dicapai oleh para pelajar yang mengambil kursus Penghayatan Etika dan Peradaban sebagai kursus teras universiti di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Hasil pembelajaran kursus menyasarkan para pelajar dapat menguasai aras Pengetahuan (K1) dan Pemahaman (K2) bagi LO Knowledge and Understanding. Kajian ini melibatkan 1,430 orang pelajar tahun 1 dari pelbagai program pengajian di UMT. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif dengan menggunakan protokol analisis dokumen dan data jawapan ujian pelajar semasa sesi pembelajaran berlangsung pada semester 2, 2021/2022. Hasil kajian mendapati tahap pencapaian domain kognitif bagi aras K2 Pemahaman para pelajar didapati lebih rendah berbanding aras K1 Pengetahuan. Aras K2 Pemahaman dalam kalangan pelajar berada pada tahap memuaskan disebabkan oleh sikap kurang cakna dalam kalangan para pelajar tentang isu-isu semasa dalam konteks etika dan peradaban.

Kata Kunci: domain kognitif, modal insan, pencapaian pelajar

ABSTRACT

The country is in need of human capital that can think creatively and critically as well as possessing extensive knowledge in their field of studies and current issues. In order to dominate high cognitive skills, students must not only depend on the knowledge taught during the class alone but they need to read broadly. This paper aims to identify the cognitive

domain level achieved by students who took the Appreciation of Ethics and Civilization course as a core university course at Universiti Malaysia Terengganu (UMT). The course learning outcomes ensure students are able to master two cognitive levels, namely, Knowledge (C1) and Comprehension (C2). The study involved 1,430 Year 1 students from various programs of studies. This study uses a qualitative research method by using document analysis protocol. The results of the study found that the level of cognitive domain achieved for Comprehension (C2) was lower than the C1. Learners' achievements in comprehension (C2) in the two tests were at satisfactory level due to the lack of awareness among students about current issues in the context of ethics and civilization.

Keywords: cognitive domain, human capital, student achievement

1.0 PENGENALAN

Modal insan yang berpengetahuan merupakan salah satu aspek penting kepada pembangunan dan kemajuan negara. Negara amat memerlukan modal insan yang bukan hanya mampu berfikir secara kreatif dan kritis tetapi juga berpengetahuan luas serta cakna dengan isu semasa. Di samping itu, aspek adab dan etika turut menjadi perkara asas dalam membentuk modal insan berkualiti.

Modal insan merupakan individu yang berilmu, berkeyakinan, mempunyai nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan-santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, adil, progresif, cekal dan berdaya saing. Selain itu, modal insan merupakan aset yang boleh disuntik nilai tambahnya, ditingkatkan nilai inteleknya serta diperkaya modal budayanya (Maisarah Ishak & Abdul Rahim Zumrah, 2008).

Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), usaha bersepadu akan tertumpu ke arah meningkatkan kualiti siswazah dan program akademik serta memperkuuh keupayaan penyelidikan. Pelan ini mensasarkan untuk mempertingkat kualiti siswazah berdasarkan enam atribut utama, iaitu etika dan kerohanian, kemahiran kepimpinan, identiti kebangsaan, kemahiran bahasa, kemahiran berfikir dan pengetahuan (Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia ke-11, 2018).

Ismahdi (2008) berpendapat bahawa pembangunan modal insan merupakan suatu proses bertujuan untuk melahirkan jiwa yang bertakwa. Ketiadaan jiwa yang bertakwa akan mengakibatkan fungsi akal dan fizikal menjadi lumpuh. Menurut Dora et al., (2008), pembentukan modal insan merupakan satu usaha

ke arah melahirkan mahasiswa yang berpengetahuan, berkemahiran, inovatif, memiliki jati diri, beretika, mempunyai pendidikan, terlatih dan mempunyai pekerjaan yang sewajarnya.

Menurut Abu Bakar et al., (2003) aspek pendidikan dan pengetahuan memainkan peranan utama dalam memperkembangkan potensi individu. Setiap potensi individu boleh berkembang ke tahap cemerlang jika diberi peluang secukupnya. Pendidikan mampu melahirkan individu berilmu, mulia, berbudi pekerti yang tinggi, sopan, bertanggungjawab, berketerampilan dan sebagainya yang secara umumnya bersifat positif. Pertumbuhan dan perkembangan yang berlaku ke atas individu lahir hasil daripada proses pendidikan melibatkan intelek, rohani, emosi dan jasmani (Nurul Haerani & Ahmad, 2012). Islam turut menegaskan bahawa, antara medium utama yang boleh meningkat ilmu dan pengetahuan adalah melalui proses pembacaan. Dalam surah al-Alaq, ayat 1 yang bermaksud:

“Bacalah (wahai Muhammad)! Dengan nama Tuhanmu yang menciptakan.”
(Al-Alaq, (96): 1)

Daripada maksud ayat di atas, secara sepintas lalu kita dapat menilai bahawa Islam amat menekankan kepentingan ilmu dalam kehidupan umatnya. Proses pembacaan merupakan antara perkara asas yang perlu diketahui oleh seseorang individu dalam usaha untuk meneroka dan menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Justeru, aspek ilmu dan pengetahuan perlu diperkasakan dalam proses pembelajaran dalam usaha membentuk keperibadian serta melahirkan modal insan yang holistik untuk generasi akan datang.

Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban adalah kursus wajib baru yang diperkenalkan di Universiti Awam (UA) bermula sesi pengambilan pelajar 2019/2020 yang lalu, bersama-sama satu lagi kursus iaitu Falsafah dan Isu Semasa. Menurut Menteri Pendidikan ketika itu, Dr. Maszlee Malik ia adalah selaras dengan hala tuju pendidikan negara iaitu pendidikan yang berteraskan nilai (Berita Harian, 25 September 2019).

Kursus ini wajib diambil oleh para pelajar sepanjang tempoh pengajian mereka di universiti dan ia menjadi prasyarat untuk menamatkan pengajian mereka. Berdasarkan kepada Surat Edaran Pelaksanaan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia penawaran

kursus ini bertujuan untuk memupuk penghayatan falsafah, nilai dan sejarah dalam kalangan pelajar IPT. Ia juga adalah selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Rukun Negara dan Objektif Strategik 2.4, Pelan Anti-Rasuah Nasional 2019-2023 yang menekankan aspek hubungan antara manusia dan implikasi terhadap persekitaran (Surat Edaran Pelaksanaan, 2019).

Komponen kursus MPU telah diperkenalkan dengan menambahbaik struktur Mata Pelajaran Wajib agar ianya lebih berstruktur dengan matlamat agar ianya dapat meningkatkan kualiti insan sejajar dengan matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Struktur baharu MPU ini, dilihat mampu untuk melahirkan graduan yang holistik, menghayati nilai-nilai patriotisme dan jati diri beracuan Malaysia serta menguasai kemahiran insaniah ke arah memenuhi kebolehpasaran kerja.

Komponen kursus MPU ini telah dilakukan semakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi pada tahun 2016. Kandungan kursus MPU adalah berlandaskan intipati Falsafah Pendidikan Kebangsaan merangkumi cabang ilmu yang melibatkan bidang kemanusian, sains tulen dan sains sosial. Sejajar dengan aspirasi ini, Kementerian Pendidikan Tinggi pada tahun 2016 telah membuat ketetapan bahawa komponen Mata Pelajaran Pengajian Umum dibahagikan kepada empat kelompok utama iaitu:

- U1 - Penghayatan falsafah, nilai dan sejarah;
- U2 - Penguasaan kemahiran insaniah;
- U3 - Perluasan ilmu pengetahuan tentang Malaysia;
- U4 - Kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan kokurikulum.

Pada bulan Ogos 2019, struktur Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) telah dikaji semula dan diperkemaskin pelaksanaannya bagi memberi ruang kepada pelaksanaan Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban serta Falsafah dan Isu Semasa. Kedua-dua kursus baharu ini telah ditawarkan dalam kelompok U1 iaitu Penghayatan falsafah, nilai dan sejarah iaitu salah satu daripada 4 kelompok utama kursus MPU ini.

Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban menerangkan kepada pelajar tentang konsep etika daripada perspektif peradaban yang berbeza. Kursus ini bertujuan bagi mengenal pasti sistem, tahap perkembangan, kemajuan dan kebudayaan sesuatu bangsa dalam mengukuhkan kesepadan sosial.

Selain itu, perbincangan berkaitan isu-isu kontemporari dalam aspek ekonomi, politik, sosial, budaya dan alam sekitar daripada perspektif etika dan peradaban dapat melahirkan pelajar yang bermoral dan profesional. Penerapan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) yang bersesuaian digunakan dalam penyampaian kursus ini.

Kursus ini melibatkan 3 objektif pengajaran (*LO*) iaitu *LO1 Knowledge and Understanding*, *LO5* iaitu *Interpersonal Skills* dan *LO6* iaitu *Ethics and Professionalism*. Justeru, kertas kerja ini akan membuat penilaian terhadap soalan-soalan ujian yang melibatkan *LO1 Knowledge and Understanding*. Hasil kajian ini akan mengenal pasti tahap pencapaian domain kognitif pelajar berdasarkan skor ujian yang dilaksanakan telah mencapai objektif pembelajaran sebagaimana yang telah digariskan atau sebaliknya.

2.0 SOROTAN KAJIAN

2.1 Taksonomi Bloom - Domain kognitif

Objektif, pengajaran dan pembelajaran serta penilaian adalah elemen-elemen penting dalam pendidikan dan ketiga-tiga aspek ini mempunyai hubungan yang saling berkaitan antara satu sama lain (Arsaythamby Veloo, 2011). Dalam erti kata lain, objektif kursus mesti merangkumi dengan jelas apa hasil yang dicapai oleh pelajar pada akhir pembelajaran mereka. Sehubungan itu, Taksonomi Bloom telah dijadikan sebagai garis panduan dalam merancang kurikulum serta program pembangunan pelajar serta merangka objektif dan hasil pembelajaran bagi sesuatu subjek. Ia membantu dalam mengenal pasti aras pembelajaran yang bermula dari tahap paling rendah kepada tahap paling tinggi (Irfan Hyder & Shelina Bhamani, 2016).

Secara asas, dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta penilaian, Taksonomi Bloom membahagikan objektif pembelajaran kepada tiga domain: iaitu kognitif, psikomotor dan afektif. Domain kognitif berkisar kepada pengetahuan, pemahaman serta berfikiran kritis tentang sesuatu perkara sedangkan domain psikomotor lebih berfokus kepada kemahiran fizikal, manakala domain afektif pula menumpukan kepada perkembangan emosi dan sikap (Muhammad Tufail Chandio & et al., 2016).

Berdasarkan edisi yang telah dikemaskini oleh Anderson dan Krathwohl pada tahun 2001 (Garis Panduan Pentaksiran IPG, 2016) penilaian ke atas domain kognitif telah menggariskan enam peringkat berikut: iaitu bermula dari aras paling rendah iaitu mengingat kembali fakta kepada aras paling tinggi iaitu mencipta. Berdasarkan Buku Panduan Pentaksiran Institut Pendidikan Guru Malaysia (2016), aras-aras di bawah domain kognitif tersebut telah diperincikan seperti berikut:

Jadual 1: Aras dalam domain kognitif

Bil	Aras kognitif	Kemahiran
1.	Mengingati	Mencari dan mengingat semula sesuatu maklumat; mengecam idea; mengenal pasti, menyenaraikan dan menamakan keterangan, prinsip atau fakta yang telah dipelajari.
2.	Memahami	Memahami maksud sesuatu mesej; menjelaskan maksud daripada maklumat yang didapati mahupun menggunakan pengetahuan tanpa situasi baru.
3.	Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan untuk memberi penjelasan bagi suatu situasi baharu atau menyelesaikan masalah yang baharu.
4.	Menganalisis	Mencerakinkan maklumat atau membanding dan menghuraikan fakta-fakta kesamaan, perbezaan dan perhubungan di antara satu sama lain.
5.	Menilai	Membuktikan, menilai, mengesahkan, mengkritik, merumuskan atau memberikan pendapat terhadap sesuatu pernyataan.
6.	Mencipta	Mereka, mencipta serta menghasilkan sesuatu yang kreatif atau menggabungkan elemen-elemen dan bahagian untuk membentuk suatu set maklumat serta melibatkan proses menyusun dan membuat kesimpulan.

Secara amnya, penilaian terhadap pelajar adalah berdasarkan kaedah formatif mahupun sumatif. Dalam penilaian formatif, pengajarnya menggunakan beberapa kaedah atau ujian seperti ujian, tugas, pembentangan dan sebagainya untuk mengukur kebolehan pelajar dalam menguasai subjek yang sedang diikuti manakala penilaian sumatif hanya melibatkan peperiksaan akhir pada setiap subjek (A. Lopes, L. Babo, J. Azevedo & C. Torres, 2010).

Penilaian sumatif yang melibatkan soalan peperiksaan akhir juga tertakluk kepada aras taksonomi bloom, malah ia berkait rapat dengan domain kognitif (Manal Mohamed, 2020; Nazlia Omar & et.al., 2011). Wilayat Bibi Khan (2011) telah mengklasifikasikan soalan peperiksaan kepada dua kategori iaitu *lower order cognitive questions* dan *higher order cognitive questions*. *Lower order cognitive questions* melibatkan aras kognitif mengingat, memahami dan mengaplikasi sedangkan *high order cognitive questions* pula memfokuskan kepada aras menganalisis, menilai serta mencipta. Hal ini kerana menurut Wilayat Bibi Khan *low order cognitive questions* mendorong para pelajar untuk berfikir pada aras yang rendah seperti mengingat dan memahami pengetahuan yang sedia ada sedangkan *high order cognitive questions* memerlukan pelajar memperkembangkan aras pemikirannya ke arah yang lebih tinggi dengan menganalisis serta menilai dengan lebih kritis.

Menurut MQF 2.0, kemahiran kognitif ini berkaitan dengan kemampuan berfikir atau intelektual dan kemampuan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran. Kapasiti untuk mengembangkan tahap kemahiran intelektual secara progresif bermula dari pemahaman, pemikiran kritis/kreatif, penilaian, dan penerapan, analisis, penyelesaian masalah serta sintesis untuk membuat idea, penyelesaian, strategi atau amalan baru. Kemahiran intelektual sedemikian membolehkan pelajar mencari dan memahami maklumat baru dari pelbagai bidang pengetahuan dan amalan.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif dengan menggunakan protokol analisis dokumen dan data jawapan ujian pelajar berdasarkan objektif pembelajaran menurut Taksonomi Bloom. Ia telah melibatkan 1,430 orang pelajar tahun 1 Universiti Malaysia Terengganu yang mengambil kursus MPU3132 Penghayatan Etika dan Peradaban pada semester II 2020/2021. Di sepanjang 14 minggu pengajian, pelajar dikehendaki menjawab dua ujian secara dalam talian di dalam sistem pembelajaran *e-learning* UMT. Tempoh masa yang diberikan adalah satu jam bagi setiap ujian dan semua pelajar menjawab ujian serentak pada hari dan masa yang sama. Data diperolehi melalui skor ujian 1 dan ujian 2 yang dijana dari sistem pembelajaran *e-learning* tersebut.

Jadual 2: Jadual dan jumlah soalan ujian bagi kursus MPU3132

Ujian	Jumlah Soalan	Jadual ujian
Ujian 1	30	Minggu ke-7
Ujian 2	30	Minggu ke-11

Dalam kajian ini, aras kognitif Taksonomi Bloom digunakan untuk mengekod data. Walau bagaimanapun, beberapa analisis kuantitatif juga dilakukan untuk mengira frekuensi setiap aras kognitif setiap objektif pembelajaran.

3.1 **Analisis Data**

Kaedah penilaian yang digunakan dalam kursus ini bagi menilai *LO1 Knowledge and Understanding* adalah Ujian 1 dan Ujian 2. Untuk kedua-dua ujian ini, markah yang diperuntukkan adalah sebanyak 30 peratus daripada markah keseluruhan iaitu 100 peratus. Kursus ini juga tidak mempunyai peperiksaan akhir pada akhir semester.

Soalan yang digunakan dalam kedua-dua ujian ini adalah berbentuk soalan aneka pilihan jawapan. Ujian 1 merangkumi topik 1 hingga topik 3 yang mengandungi 30 soalan dan dijawab dalam tempoh satu jam serta mewakili 15 markah. Manakala Ujian 2 juga mengandungi jumlah soalan, tempoh masa dan markah yang sama tetapi merangkumi topik 4 hingga topik 6.

Dari segi aras penilaian kognitif, ujian 1 tertumpu kepada aras K1 iaitu Pengetahuan manakala ujian 2 memberi fokus kepada aras K2 iaitu Pemahaman. Perincian berkenaan pelaksanaan ujian 1 dan ujian 2 kursus ini boleh dilihat dalam jadual di bawah.

Jadual 3: Perincian pelaksanaan ujian dalam kursus MPU3132

Ujian	Topik	SLT	Jumlah soalan	Masa
1	I - Pengenalan Penghayatan Etika dan Peradaban Dalam Acuan Malaysia	4	8	16 minit
	II - Konsep Etika dan Peradaban	4	10	20 minit
	III - Etika dan Peradaban dalam Masyarakat	8	12	24 minit
2	IV - Pemantapan Kesepaduan Nasional Malaysia	8	10	20 minit
	V - Pembinaan Peradaban Majmuk di Malaysia	8	10	20 minit
	VI - Perlembagaan Sebagai Tapak Integrasi dan Wahana Etika dan Peradaban di Malaysia	8	10	20 minit


4.0 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 4 menunjukkan keputusan Ujian 1 dan Ujian 2 yang dicapai oleh para pelajar. Skor penuh bagi setiap Ujian adalah 15 markah. Hasil dari keputusan ujian 1 mendapat sebanyak 378 orang pelajar mewakili 26.43 peratus berjaya memperoleh 11 markah manakala bagi Ujian 2, seramai 415 orang pelajar bersamaan 29.02 peratus memperoleh 8 markah bagi ujian 2. Perbezaan skor tertinggi antara Ujian 1 dan Ujian adalah disebabkan bentuk soalan yang diajukan berbeza aras penilaian kognitifnya. Ujian 1 menilai K1 iaitu aras Pengetahuan pelajar manakala Ujian 2 menilai aras K2 Pemahaman pelajar dalam domain kognitif.

Jadual 4: Keputusan ujian 1 dan 2 bagi kursus MPU3132

Ujian	Ujian 1		Ujian 2		
	Markah	Jumlah Pelajar (orang)	Peratusan Pelajar (%)	Jumlah Pelajar	Peratusan Pelajar (%)
4	-	-	-	8	0.56
5	2	0.14	17	1.19	
6	5	0.35	89	6.22	
7	16	1.12	273	19.09	
8	43	3.00	415	29.02	
9	104	7.27	436	30.49	
10	234	16.36	144	10.07	
11	378	26.43	35	2.45	
12	356	24.90	2	0.14	
13	216	15.10	-	-	
14	73	5.10	-	-	
	1,430 orang	100%	1,430 orang	100%	

Berdasarkan graf di bawah, pencapaian pelajar terhadap ujian 1 mendapat skor markah yang diperolehi oleh sebilangan besar pelajar berada pada markah yang tinggi. Hal ini kerana soalan ujian 1 berada pada aras pengetahuan yang berfokus kepada bab-bab berkaitan pengenalan, definisi serta konsep etika dan peradaban secara umumnya mahupun khusus dalam konteks Malaysia. Kaedah pengajaran secara langsung oleh pensyarah dalam kuliah serta pembacaan nota yang diberikan memadai bagi membolehkan pelajar untuk menjawab soalan kuiz 1 pada aras pengetahuan dan memperoleh markah yang tinggi.



Rajah 1: Pencapaian pelajar terhadap Ujian 1 dan 2

Contoh soalan aras Pengetahuan (C1) adalah seperti yang tertera di Rajah 2.

1. Berikut adalah nilai etika yang baik, **kecuali**:
 - A. Sentiasa menilai diri sendiri
 - B. Mulakan sesuatu dengan niat yang baik
 - C. Membuat tindakan dengan terburu-buru
 - D. Tindakan yang cekap dan berkesan

2. "Satu kelompok etnik yang mengasingkan diri daripada kumpulan etnik yang lain dalam sesebuah masyarakat."
Pernyataan ini adalah merujuk kepada konsep?
 - A. Integrasi
 - B. Akomodasi
 - C. Amalgamasi
 - D. Segregasi

Rajah 2: Contoh soalan-soalan ujian pada aras Pengetahuan

Namun, berbeza dengan skor markah bagi kuiz 2 yang berada rendah daripada pencapaian kuiz 1. Soalan kuiz 2 menyentuh bab-bab yang mengaitkan definisi dan konsep yang dipelajari dari bab sebelumnya dan isu semasa. Bab 4 hingga 6 yang melibatkan isu kesepaduan sosial, peradaban majmuk serta Perlembagaan Malaysia memerlukan kefahaman pelajar dalam konteks yang lebih luas dan menyeluruh (lihat Rajah 3). Oleh itu, pengetahuan tentang isu semasa yang berkait dengan perbincangan bab tersebut amat diperlukan untuk membantu pelajar memahami soalan berbentuk kefahaman ini. Soalan berbentuk kefahaman biasanya menggunakan situasi dan pelajar akan cuba memahami situasi tersebut untuk mendapatkan jawapan.

Tahap Pencapaian Aras Kognitif Pelajar Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban ke Arah Melahirkan Modal Insan Berpengetahuan

- | |
|--|
| 1. Berikut merupakan elemen-elemen yang melibatkan perbezaan dan pertentangan kepentingan di antara etnik di Malaysia dalam mewujudkan sebuah masyarakat bersatu padu, kecuali |
| A. Pemisahan penempatan
B. Politik perkauman
C. Perbezaan antara agama dan budaya
D. Polarisasi dalam kalangan pelajar |
| 2. Berikut merupakan contoh toleransi interetnik di Malaysia dari aspek pendidikan, kecuali |
| A. Mempertahankan sekolah jenis kebangsaan
B. Kemudahan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
C. Kemasukan pelajar ke IPTA berdasarkan sistem meritokrasi
D. Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah jenis kebangsaan |

Rajah 3: Contoh soalan-soalan ujian pada aras Pemahaman

Secara keseluruhannya, jadual 5 menunjukkan sebanyak 67.8 peratus pelajar telah berjaya mencapai tahap baik dalam Ujian 1 berbanding seramai 79 peratus pelajar mencapai tahap memuaskan bagi Ujian 2. Pencapaian yang berbeza antara dua ujian ini wujud disebabkan oleh perbezaan aras domain kognitif yang dinilai dalam topik yang soalan ujian. Ujian 1 menilai tahap pengetahuan memandangkan topik 1, 2 dan 3 menyentuh tentang definisi dan konsep asas berkait dengan etika dan peradaban. Manakala Ujian 2 menilai tahap pemahaman berikutkan perbincangan topik 4, 5 dan 6 dikaitkan dengan isu semasa.


Jadual 5: Rubrik penilaian aras kognitif bagi kursus MPU3132

	Ujian 1		Ujian 2	
	C1 Pengetahuan		C2 Pemahaman	
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
Sangat Lemah (1-3)	0	0	0	0
Lemah (4-7)	7	0.5%	114	8%
Memuaskan (8-10)	163	11.5%	1,124	79%
Baik (11-13)	968	67.8%	183	13%
Sangat Baik (14-15)	289	20.2%	0	0

Sehubungan itu, dapatan menunjukkan pelajar tahun 1 berjaya menguasai aras pengetahuan dalam domain kognitif yang ditetapkan dalam hasil pembelajaran kursus Penghayatan Etika dan Peradaban ini. Dalam erti kata lain, pelajar-pelajar ini mengetahui dengan jelas tentang definisi dan konsep berkaitan etika daripada pelbagai perspektif peradaban termasuk

dalam konteks Malaysia. Namun bagi pelajar masih belum menguasai aras kefahaman tentang isu-isu semasa yang berlebar dalam konteks etika dan peradaban kerana skor Ujian 2 yang rendah berbanding Ujian 1. Kefahaman tentang perkara-perkara melibatkan kesepaduan sosial, peradaban majmuk serta Perlembagaan Malaysia memerlukan pelajar untuk memahami isu semasa yang berlaku di Malaysia pada ketika ini.

Penguasaan domain kognitif aras Pemahaman tidak boleh dikuasai melalui pembelajaran dalam kuliah (seperti syarahan atau nota kuliah) semata-mata tetapi memerlukan inisiatif dalam kalangan pelajar itu sendiri. Ini dapat dilihat dalam Rajah 4 apabila markah pencapaian pelajar lebih tinggi dalam Ujian 1 yang lebih berat kepada aras kognitif terbawah iaitu pengetahuan. Bagi memastikan pelajar dapat menguasai aras kognitif yang lebih tinggi, pelbagai aktiviti perlu diperkenalkan. Misalnya, aktiviti perbincangan di antara rakan-rakan sekuliah dapat mendorong pelajar bertukar-tukar pendapat tentang isu semasa yang berkait dengan bab yang dipelajari. Aktiviti sebegini mendorong kepada percambahan pengetahuan dan pemahaman terhadap isu semasa.



Rajah 4: Purata markah pencapaian pelajar bagi subjek MPU3132

Namun, pandemik yang melanda telah mengubah norma pembelajaran kepada pembelajaran secara dalam talian. Walaupun perbincangan secara berkumpulan di alam maya dikatakan sukar untuk dilakukan, namun pelajar masih punya ruang untuk menjana pengetahuan masing-masing secara individu tentang isu semasa yang berlaku melalui media elektronik

seperti paparan berita di televisyen mahupun radio serta media bercetak seperti laporan akhbar. Malah, media sosial seperti Facebook, Instagram, Telegram dan Twitter sering memuat naik laporan mahupun berita tentang isu-isu semasa yang berlaku setiap hari. Generasi muda majoritinya gemar menggunakan media sosial yang dikatakan lebih terkini dan lebih pantas dalam menyampaikan dan menyebarkan maklumat kepada netizen berbanding media tradisional.

Kajian yang dijalankan ini mendapati faktor yang mendorong pencapaian pelajar bagi aras pemahaman berada di tahap memuaskan adalah disebabkan oleh sikap pelajar yang kurang cakna atau kurang mengambil tahu terhadap perkembangan isu-isu semasa negara yang menyebabkan kurangnya penguasaan dan pemahaman terhadap soalan berbentuk isu semasa. Perkara ini diteguhkan lagi dengan sikap kurang membaca dalam kalangan pelajar seperti yang dilaporkan oleh Muhammad Nazli Ismail dalam Akhbar Berita Harian bertarikh 27 Mac 2019. Situasi ini menyebabkan pelajar kurang berpengetahuan seterusnya menjadikan mereka sukar untuk menjawab soalan peperiksaan.

Usaha ini memerlukan inisiatif di pihak pelajar untuk menerokai dan mengetahui tentang isu-isu semasa yang terjadi setiap hari. Bak kata pepatah “Hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih.” Sikap suka membaca ini perlu dipupuk dalam kalangan pelajar terutamanya pelajar universiti. Hal ini kerana minat membaca dan mengetahui isu-isu semasa bukan sekadar menambah pengetahuan sedia ada, malah dengan pengetahuan yang dimiliki, pelajar berupaya untuk mengutarakan pandangan yang membina. Secara tidak langsung, ia dapat melahirkan generasi yang berpengetahuan luas.

5.0 KESIMPULAN

Kepentingan domain kognitif diberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Kursus ini menyasarkan agar pelajar tahun 1 di UMT dapat menguasai aras domain kognitif sekurang-kurangnya pada tahap pengetahuan dan pemahaman. Hal ini bukan sekadar membantu para pelajar menjawab soalan peperiksaan, serta memperkembangkan pengetahuan yang menyokong kepada pembelajaran pada tahun berikutnya malah menjadikan pelajar lebih bermaklumat,

berupaya untuk menyuarakan idea yang bernalas seterusnya melahirkan pelajar tinggi pengetahuannya selaras dengan dengan agenda pendidikan negara dalam membangunkan modal insan yang seimbang dari segi pencapaian intelektualnya selain mempunyai personaliti yang unggul.

PENGHARGAAN

Penulis-penulis mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, Malaysia dan Universitas Islam Balitar, Jawa Timur, Indonesia atas sokongan dalam penerbitan artikel ini.

RUJUKAN

- A. Lopes, L. Babo, J. Azevedo & C. Torres. (2010). *Multiple –Choice Tests – A Tool in Assessing Knowledge* in 4th International Technology, Education and Development Conference, Valencia, Spain, 8-10 March, 2010 (<https://core.ac.uk/download/pdf/47136087.pdf>).
- Abu Bakar Nordin & Ikhwan Othman. (2003). *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*, m/s: 30-35. Kuala Lumpur: Quantum Books.
- Arsaythamby Veloo. (2011). *Keupayaan Teori dan Pelaksanaan Pentaksiran dalam Pembelajaran* in Journal of Governance and Development, vol.7, pp.8 -15 (<http://repo.uum.edu.my/11915/1/9.pdf>)
- Dora, M.T., Kudus, N., Hassan, M.A. & Ali, R. (2008). *Kemahiran Insaniah: 7 Kompetensi Unggul Mahasiswa*. Universiti Teknikal Malaysia Melaka : Penerbit Universiti UTeM.
- Irfan Hyder & Shelina Bhamani. (2016). *Bloom's Taxonomy (Cognitive Domain) in Higher Education Settings: Reflection Brief* in Journal of Education and Educational Development. Vol.3, no.2, December 2016, pp. 288 – 300 (<http://dx.doi.org/10.22555/joeed.v3i2.1039>).
- Ismahdi Hj. Ismail. (2008). Pendekatan Agama Perlu Dititikberatkan dalam Modal Insan, Asnaf 1/2008, m/s: 15. Shah Alam: Lembaga Zakat Selangor.
- Laporan Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kesebelas. (2018). Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Tahap Pencapaian Aras Kognitif Pelajar Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban ke Arah Melahirkan Modal Insan Berpengetahuan

Maisarah Ishak & Abdul Rahim Zumrah. (2008). Pendidikan Asas Pembangunan Modal Insan. PROSIDING PERKEM III, JILID 1 (2008) 327 – 331.

Muhammad Tufail Chandio, Saima Murtaza Pandhiani & Rabia Iqbal. (2016.) *Bloom's Taxonomy: Improving Assessment and Teaching-Learning Process* in Journal of Education and Educational Development. Vol.3, No.2, December 2016, pp. 2003-2021. (<https://eric.ed.gov/?id=EJ1161460>).

Nazlia Omar, Syahidah Sufi Haris, Rosilah Hassan, Haslina Arshad, Masura Rahmat, Noor Faridatul Ainun Zainal & Rozli Zulkifli. (2011). *Automated Analysis of Exam Questions according to Bloom's Taxonomy* in Procedia Social and Behavioral Sciences, 59 (2012) 297-303 (<https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042812037263>).

Nurul Haerani Mohamad & Ahmad bin Esa. (2012). Pembangunan Modal Insan Holistik Pelajar Menerusi Aktiviti Kokurikulum Politeknik. Johor: Penerbit UTHM.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah) dan PPPM 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Wilayat Bibi Khan and Hafiz Muhammad Inamullah. (2011). *A Study of Low-order and Higher-order Questions at Secondary Level* in Asian Social Science. Vol.7, no.9, September 2011, 149 -157. (<http://www.ccsenet.org/journal/index.php/ass/article/view/10309>)

